



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI MALAYSIA  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)  
Email: pro@dvs.gov.my**



## KENYATAAN MEDIA

### **PENGISYTIHARAN MALAYSIA BEBAS PENYAKIT SELSEMA BURUNG *HIGHLY PATHOGENIC AVIAN INFLUENZA (HPAI) H5N1***

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin mengumumkan bahawa Malaysia telah kembali sebagai negara bebas penyakit selsema burung atau Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI) H5N1 mulai 1 Julai 2017, berikutan tiada pengesanan baru penyakit ini selama 90 hari sejak pembasmian kuman yang terakhir dibuat pada 1 April lalu.
2. Tempoh 90 hari tersebut adalah syarat yang diletakkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (OIE) dalam menangani penyakit-penyakit haiwan seumpama ini.
3. Pihak DVS telah menghantar laporan penuh kepada OIE mengenai situasi dan langkah-langkah yang telah diambil, untuk membolehkan pihak OIE menyenaraikan Malaysia secara rasmi sebagai salah satu negara bebas penyakit selsema burung HPAI H5N1.
4. Dengan status Malaysia sebagai negara bebas penyakit selsema burung ini, dijangka negara-negara pengimport seperti Jepun, Indonesia, Sri Lanka dan China akan membuka sekatan eksport sementara yang dikenakan sebelum ini, dan membenarkan semula kemasukan ayam, itik dan sarang burung walit dari Malaysia.

#### **Latar Belakang HPAI**

5. Penyakit selsema burung atau *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) adalah disebabkan oleh virus influenza H5N1.
6. Kejadian kes HPAI telah dikesan pada 28 Februari 2017 di Kg Pulau Tebu, Mukim Tunjung, Jajahan Kota Bharu di dalam kelompok 26 ekor ternakan ayam kampung (16 daripadanya sakit). Ayam yang sakit menunjukkan tanda klinikal seperti bengkak muka, tiada selera makan dan balung berwarna merah kebiruan serta kadar kematian yang tinggi (50%).
7. Kali terakhir kejadian HPAI di Malaysia adalah pada tahun 2007.
8. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengesahkan kehadiran virus influenza A dari subtipe H5N1 melalui kaedah ujian *Real-Time Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)*.

9. Kejadian penyakit dapat dibendung dengan pantas melalui tindakan-tindakan berikut:
- a. Pemusnahan (*stamping out*) unggas di dalam kawasan 1km radius dari lokasi jangkitan bagi mengelakkan risiko penularan penyakit kepada unggas lain dan manusia.
  - b. Pembasmian kuman selepas selesai pemusnahan dijalankan di premis-premis yang menyimpan unggas bagi memusnahkan virus HPAI.
  - c. Mengesan, menyasat dan mengambil sampel dengan cepat setiap kes disyaki untuk diagnosis HPAI.
  - d. Pemantauan (survelan) aktif dijalankan segera bagi mengesan penularan penyakit selsema burung atau *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) H5N1 di dalam populasi unggas yang berisiko (di dalam kawasan 1-10km radius dari lokasi jangkitan).
  - e. Kempen kesedaran awam dijalankan di dalam kawasan wabak serta kawasan sekitarnya bagi meningkatkan kesedaran penduduk setempat tentang bahaya penyakit selsema burung atau *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) H5N1 yang boleh menjangkiti manusia (zoonotik) dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa manusia selain kerugian kepada penternak dan pemilik unggas.
  - f. Sekatan jalan raya dengan bantuan PDRM dikendalikan di 4 lokasi strategik iaitu di Jeli, Bukit Yong, Gua Musang dan Besut sebagai kawalan pergerakan unggas keluar daripada Negeri Kelantan bagi mengelakkan risiko berlakunya perebakan penyakit ke kawasan atau Negeri lain.
  - g. DVS negeri-negeri lain juga telah diarahkan untuk memantau pergerakan unggas dari dalam dan luar negeri. Survelan aktif juga ditingkatkan bagi mengesan penyakit selsema burung atau *Highly Pathogenic Avian Influenza*(HPAI) H5N1 dari merebak ke negeri masing-masing.
10. Secara khususnya tindakan yang diambil telah menghadkan perebakan penyakit ke **36** lokasi di enam (6) jajahan iaitu Kota Bharu(15 lokasi), Pasir Mas (6), Tumpat (5), Tanah Merah (1), Bachok (6) dan Pasir Puteh (3) melibatkan 51 premis. Jumlah pelupusan di dalam kawasan jangkitan adalah **56,953** ekor ternakan unggas dan **17,531** biji telur yang dilaksanakan di dalam masa 24 hari.
11. Aktiviti pembasmian kuman (disinfeksi) ke atas 1,034 premis telah dilaksanakan dan selesai pada 1 April 2017.
12. Sehingga kini pemantauan (survelan) aktif telah dilaksanakan dengan sebanyak 6,530 sampel calitan kloaka diambil daripada 1,191 premis dan kesemuanya didapati negatif HPAI.
13. Operasi Sekatan Jalan Raya telah dilaksanakan dan sejumlah 30,334 buah kenderaan telah diperiksa dengan **62** kes rampasan melibatkan **288** ekor unggas.
14. Sejumlah RM413,004.60 telah diagihkan sebagai wang ihsan kepada seramai 1,034 orang penternak.
15. Usaha-usaha yang telah diambil membolehkan Malaysia kembali sebagai Negara bebas penyakit selsema burung atau *Highly Pathogenic Avian Influenza*(HPAI) H5N1 mulai 1 Julai

2017, berikutan tiada pengesanan baru penyakit ini selama 90 hari sejak pembasmian kuman yang terakhir dibuat pada 1 April lalu.

16. Walau bagaimanapun untuk mengurangkan risiko kejadian penyakit HPAI maka tindakan-tindakan berikut sedang dan akan diambil:
  - i. Menyusun semula sistem penternakan unggas atau ayam kampung secara kecil-kecilan ini melalui pendaftaran ayam kampung dan ayam baka baik.
  - ii. Meningkatkan kempen kesedaran awam berkaitan dengan penyakit unggas yang berimpak tinggi dan *zoonotik* melalui program-program penerangan dan pendedaran brosur.
  - iii. Memperketatkan kawalan pergerakan unggas dipintu masuk dengan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti MAQIS (Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia), PDRM dan Kastam.
  - iv. Mengawal pergerakan ternakan unggas di antara daerah dalam sesuatu negeri melalui sistem *e-permit 3* yang mengawal pergerakan ternakan antara daerah.
  - v. Menjalin kerjasama dengan persatuan penternak ayam kampung dan ayam baka baik dan penganjur pertandingan suara burung atau ayam cantik bagi tujuan pemantauan pergerakan dan kawalan penyakit unggas.
  - vi. Meningkatkan langkah-langkah biosekuriti penternakan unggas terutama dari aspek kebersihan dan pengurusan kesihatan unggas.

**Dato' Dr. Quaza Nizamuddin Bin Hassan Nizam**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**  
**3 Julai 2017**